



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 58
No. 7

27hb Mac 2014

TAMBAHAN
No. 1

KANUN TANAH NEGARA
(Akta 56 tahun 1965)

NATIONAL LAND CODE
(Act 56 of 1965)

No. 190.

(Seksyen 27)

NOTIS MENGENAI SIASATAN

Suatu siasatan akan diadakan di Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang, pada hari Rabu bersamaan 2 April 2014 pada jam 11.00 pagi berkenaan dengan perkara-perkara yang berikut:

Kaveat Pendaftar di bawah Perserahan: 0702B1996000009, Jilid 31, Folio No. 44, pada 5-1-1996 ke atas G.M. 2734, Lot 3822, Mukim 3, Seberang Perai Utara (dahulu dikenali G.M. 427, Lot 731, Mukim 3, Seberang Perai Utara)

Sesiapa jua yang ada apa-apa kepentingan dalam perkara ini atau yang hendak membuat apa-apa tuntutan, bantahan atau lain-lain permintaan hendaklah hadir di tempat dan pada waktu yang dinyatakan dan hendaklah bersedia memberi keterangan lisan dan mengemukakan apa-apa keterangan suratan yang ada dalam miliknya.

Mana-mana orang tersebut boleh dibantu dalam siasatan itu oleh seorang peguambela dan peguamcara.

WARTA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

346

[27hb Mac 2014]

Mana-mana orang tersebut boleh membuat permohonan, dengan surat berdaftar, untuk penangguhan atau pertukaran tempat, dengan menyatakan:

- (a) sebab-sebab mengapa penangguhan atau pertukaran itu diminta; dan
- (b) sifat dan isi keterangan yang dia mencadang diberi atau dikemukakan.

Bertarikh 14 Mac 2014
[(74)PTSPU(D) 8/2011]

HASRINA BINTI MA'SAUD
Pentadbir Tanah
Daerah Seberang Perai Utara
Pulau Pinang

TAMBAHAN

Kepada Encik A.N. Raj @ Nookaraju a/l Athinarayanan yang beralamat di 76 Taman Orkid, Fasa 1, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman.

Saya ada sebab mempercayai bahawa kamu ada kepentingan dalam hal perkara siasatan ini.

Ambil perhatian bahawa jika kamu tidak hadir pada masa dan di tempat yang dinyatakan, maka siasatan itu akan diteruskan dan disempurnakan dalam ketidakhadiran kamu.

Bertarikh 14 Mac 2014

HASRINA BINTI MA'SAUD
Pentadbir Tanah
Daerah Seberang Perai Utara
Pulau Pinang

No. 191.

[Perenggan 261(1)(c)]

SAMAN

Di Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara, 13200 Kepala Batas.
Dalam Negeri Pulau Pinang.

DI ANTARA

BI CREDIT & LEASING BERHAD

Pemegang Gadaian

DAN

LUGANO CORPORATION SDN. BHD.

Penggadai

Yang beralamat di 2547 Teluk Air Tawar, 13050 Butterworth dan d/a Tetuan Karupiah & Co., 7076A, 2nd Floor, Jalan Kampung Gajah, 12000 Butterworth.

Ambil perhatian bahwasanya pemegang gadaian ke atas tanah/tanah-tanah yang tersebut di dalam Jadual yang dilampirkan bersama-sama ini telah membuat permohonan di bawah subseksyen 260(2) Kanun Tanah Negara supaya Perintah Jualan dikeluarkan ke atas Tanah tersebut.

Sila ambil perhatian bahawa siasatan berhubung dengan permohonan pemegang gadaian akan diadakan pada 2 April 2014 (Rabu) jam 12.30 tengah hari di Pejabat Daerah dan Tanah, Seberang Perai Utara, 13200 Kepala Batas. Tuan/ puan adalah dikehendaki hadir.

Dan sila ambil perhatian bahawa kegagalan tuan/puan menghadiri siasatan tersebut akan menyebabkan perintah jualan dikeluarkan ke atas tanah/tanah-tanah tersebut di bawah seksyen 263 Kanun Tanah Negara 1965.

JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—7, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. No. Lot—399. Jenis dan No. Hakmilik—G.M. 702. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—Perserahan 0702SC1997000311 dan 0702SC1997000658.

Bertarikh 18 Mac 2014
[PTSPU(L) 06/2014(12)]

HASRINA BINTI MA'SAUD
*Pentadbir Tanah
Seberang Perai Utara
Pulau Pinang*

Hakcipta Pencetak 

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semu hak terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA